



Headline: Pelajar universiti jadi keldai akaun
Publication/Portal: Kosmo
Date: 25 November 2018

Language: Malay
Section: Semasa
Page: 2

Sindiket beri komisen RM2,500 selepas pindahkan wang hasil jenayah guna kad ATM

Pelajar universiti jadi keldai akaun

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Golongan pelajar termasuk di institusi pengajian tinggi (IPT) kini direkrut menjadi keldai bagi pemindahan wang jenayah untuk sindiket penipuan komersial di Selangor.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor, Asisten Komisioner Harjinder Kaur Gurdial Singh berkata, ejen-ejen sindiket itu akan memilih golongan pelajar yang terdesak untuk mendapatkan wang saku segera.

“Mereka (golongan pelajar) hanya perlu membuka dan memberikan akaun bank bersama kad mesin juruwang automatik (ATM) kepada ejen sindiket.

“Ejen kemudian akan membayar keldai ini sebanyak RM2,500 bagi setiap satu akaun tersebut,” katanya ketika ditemui pemberita selepas program kepimpinan masyarakat JSJK Selangor di Aeon Mall di sini semalam.

Menurut beliau, komisen yang tinggi itu menjadi pen-



HARJINDER KAUR



MESIN ATM digunakan oleh pelajar yang diupah sindiket untuk memindahkan wang. – Gambar hiasan

dorong kepada pelajar untuk menjadi keldai berbanding hanya RM50 yang ditawarkan sindiket sebelum ini.

Ujarnya, siasatan mendapati setiap keldai sindiket itu akan membuka sehingga enam akaun daripada berlainan bank.

“Hasil siasatan mendapati setiap akaun keldai itu digunakan sehingga 20 kali transaksi bagi pemindahan wang daripada mangsa sindiket penipuan komersial termasuk Macau Scam.

“Keldai-keldai ini kemudiannya akan secara tidak langsung memberitahu rakan-rakan mereka yang lain untuk terlibat dalam pakatan jenayah itu susulan komisen yang tinggi,” katanya.

Harjinder turut memaklumkan ejen sindiket turut menggunakan pesara, penganggur, warga emas dan penagih dadah sebagai sasaran mereka bagi menjadi keldai.

“Sewaktu ditangkap, ramai keldai yang menggunakan alasan kad ATM telah hilang namun semakin mendapati tiada laporan pernah dibuat selain telah berlakunya transaksi pemindahan wang ha-



PELAJAR institusi pengajian tinggi di negara ini turut menjadi sasaran sindiket untuk menjadi keldai pemindahan wang. – Gambar hiasan

ram dalam akaun mereka. “Justeru, kita tiada pilihan selain mendakwa mereka ini dengan setakat ini terdapat lebih 300 pertuduhan telah dilakukan mengikut Seksyen 424 Kanun Keseksaan,” jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Harjinder menegaskan sebanyak 4,468 kes penipuan komersial dilaporkan di seluruh Selangor melibatkan kerugian lebih RM444 juta.



PELAJAR universiti akan diberikan komisen RM2,500 selepas melakukan transaksi memindahkan wang haram. – Gambar hiasan